



Kementerian Pembangunan Luar Bandar

**TEKS UCAPAN
YBHG. DATO' RAMLAN HARUN
KETUA SETIAUSAHA**

**SEMPENA PROGRAM KARNIVAL BELIA
ORANG ASLI RENTAS DESA SEJAHTERA
(K-BOARDS)**

**29 OKTOBER 2022 | SABTU | 8.30 MALAM
DEWAN BALLROOM, HOTEL PALACE OF THE GOLDEN
HORSES, SERI KEMBANGAN, SELANGOR**



Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Salam Sejahtera dan Salam Keluarga Malaysia.

1. Alhamdulillah, syukur ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia dan keizinan-Nya, kita dapat berkumpul bersama-sama di dewan ini bersempena dengan Program Karnival Belia Orang Asli Rentas Desa Sejahtera yang dianjurkan oleh JAKOA pada malam ini.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengucapkan sekalung penghargaan kepada JAKOA, terutamanya Ketua Pengarah, YBhg. Puan Hajah Sapiah Dato' Mohd Noor dan seluruh warga JAKOA yang hadir pada malam ini.
3. Kepada belia yang hadir pada malam ini, saya ucapkan terima kasih karnival belia yang dianjurkan ini merupakan satu manifestasi kerajaan dalam memartabatkan golongan belia
4. Saya dimaklumkan bahawa penganjuran Program Karnival Belia Orang Asli Rentas Desa Sejahtera (K-Boards) Tahun 2022 ini adalah satu langkah yang tepat dan platform terbaik bagi memberi akses maklumat dan peluang kepada

belia Orang Asli dalam aspek pendidikan, kemahiran, keusahawanan dan peluang kerjaya.

5. Selain itu, objektif program ini juga adalah untuk menyediakan akses kepada peluang pendidikan, latihan dan kerjaya kepada belia Orang Asli yang dianjurkan bersama oleh sektor awam, sektor swasta, pertubuhan belia dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) yang lain.
6. Sebagaimana yang kita sedia maklum, dalam usaha memperkukuhkan semangat Keluarga Malaysia, Kerajaan sentiasa prihatin terhadap belia dan anak muda dengan memastikan luahan suara mereka dapat didengari dan diberikan perhatian.
7. Ini kerana para belia beliawanis yang berada di hadapan saya mempunyai idealism yang sangat penting, progresif dalam pembentukan negara selain penyumbang idea terbesar sebanyak 57.9 peratus berada dalam kalangan belia berusia lingkungan 18 hingga 21 tahun.
8. Berdasarkan data dan maklumat ini, ia akan membantu Kerajaan untuk menyediakan inisiatif dan insentif yang bersesuaian untuk golongan belia.
9. Kerajaan amat memerlukan sokongan padu golongan belia dan beliawanis, anak – anak muda untuk membangunkan dan mencorakkan masa hadapan negara. Untuk itu, Undi 18

telah diperkenalkan oleh kerajaan bagi memastikan suara anak muda didengari oleh kerajaan.

10. Selain itu, berdasarkan statistik hanya 46.2 peratus sahaja yang memperoleh pendapatan bulanan kurang daripada RM2,500 sebulan. Rentetan itu, kerajaan telah memperkenalkan inisiatif perantis lepasan sekolah dan graduan yang membenarkan majikan untuk menggaji pekerja berusia 18 hingga 30 tahun dengan menyediakan insentif berjumlah RM900 sebulan.
11. Kerajaan juga turut memperkenalkan pelan pembiayaan berjumlah RM150 juta yang disalurkan melalui Bank Simpanan Nasional dan Agrobank khusus untuk golongan belia yang ingin menceburi bidang keusahawanan.
12. Selain itu, bagi belia yang telah menceburi bidang ini, peruntukan-peruntukan turut disediakan di bawah KPLB menerusi Program SPED dan SPLKB bagi membangunkan usahawan terutama dalam masyarakat orang asli.
13. Bagi bidang pendidikan pula, usaha meningkatkan tahap pendidikan di kalangan pelajar Orang Asli masih menjadi agenda utama Kerajaan. Usaha ini perlu dipergiat dengan Kerjasama pelbagai pihak melalui penambahan infrastruktur Pendidikan dan penerapan terhadap kempen kesedaran mengenai kepentingan Pendidikan.

14. Kesedaran dan perubahan ini perlu bermula di peringkat rumah lagi iaitu dari kalangan ibu bapa masyarakat Orang Asli. Menerusi Pendidikan jugalah yang mampu untuk mengubah kehidupan pada belia yang berada di hadapan saya pada hari ini.
15. Di bawah KPLB, terdapat juga institusi yang menawarkan bidang TVET sebagai bidang pilihan untuk mereka yang berminat kepada kemahiran dan teknikal. Institusi di bawah agensi KPLB seperti UNIKL, UCAM, Giat MARA dan sebagainya menawarkan kursus-kursus serta yuran yang rendah jika dibandingkan dengan IPTS yang lain. Turut disediakan pinjaman-pinjaman pelajaran di bawah MARA serta elaun sara hidup bagi pelajar yang terdiri daripada golongan keluarga B40.
16. Percayalah bahawa bidang Pendidikan bukan sahaja bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan seseorang, tetapi ia juga dapat membantu kita meningkat keyakinan diri serta menghapuskan sikap rendah diri selain membolehkan kita bersaing setanding dengan masyarakat lain.
17. Selain itu, program ini juga diharap dapat memupuk semangat patriotisme di kalangan Belia Orang Asli selain memotivasikan Belia Orang Asli ke arah pembangunan sendiri selain diharap dapat memberi ruang untuk meraikan pencapaian anak muda belia Orang Asli yang telah berjaya melalui proses pembentukan karakter dan pembangunan

potensi yang positif serta menyumbang kepada komuniti seluruhnya.

18. Kejayaan Warga Belia Orang Asli diraikan dalam pelbagai platform sebelum ini seperti Karnival Usahawan Orang Asli (KUOA), Anugerah Murid Cemerlang Orang Asli (AMCOA) bagi lepasan SPM dan STPM, Karnival Sukan Orang Asli (KSOA) dan sebagai kemuncaknya Karnival Belia (K-BOARDS) ini.
19. Ini sekaligus membuktikan bahawa kerajaan senantiasanya cakna dan memberikan tumpuan khusus kepada pembangunan modal insan, ekonomi, pendidikan dan taraf hidup masyarakat orang asli.
20. Saya dimaklumkan sehingga kini terdapat seramai 790 pelajar Orang Asli yang sedang menuntut di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam pelbagai jurusan bermula dengan peringkat Sijil sehingga Ijazah Sarjana Muda.
21. Selain itu terdapat pelajar-pelajar Orang Asli yang telah berjaya melanjutkan pelajaran mereka di universiti-universiti luar negara pada peringkat Ijazah Sarjana Muda, Sarjana dan Doktor Falsafah. Jumlah ini memberi isyarat kepada Kerajaan bahawa masyarakat Orang Asli telah sedar akan kepentingan Pendidikan.
22. Perhatian kepada golongan Belia Orang Asli terhadap

pendidikan perlu dititikberatkan memandangkan golongan belia merupakan merupakan asas sebenar atau tulang belakang kepada keutuhan dan kekuatan sesuatu bangsa dan negara.

23. Oleh itu usaha-usaha hendaklah terus ditumpukan kepada peningkatan keupayaan dan kecekapan mereka, memandangkan cabaran masa hadapan yang akan ditempuh oleh para belia adalah lebih hebat dan canggih yang memerlukan persiapan dan persediaan diri yang hebat.
24. Tanpa ilmu pengetahuan dan kemahiran yang diperlukan adalah sukar bagi Belia Orang Asli untuk mengharungi kesulitan kehidupan masa depan apatah lagi bagi memastikan kemajuan bangsa dan negara.
25. Akhir kata saya mengucapkan syabas dan tahniah kepada Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA) di atas inisiatif mengadakan program seumpama ini. Saya juga mengucapkan tahniah kepada semua peserta yang akan ditauliahkan mendapat Anugerah Ikon pada majlis hari ini.
26. Semoga ini menjadi satu dorongan penyuntik semangat dan pencetus idea kepada warga belia lain. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada semua yang terlibat dalam menjayakan program ini samada secara langsung atau tidak langsung. Saya doakan anda semua selamat maju jaya.

27. Dengan lafaz mulia 

Saya merasmikan **KARNIVAL BELIA ORANG ASLI
RENTAS DESA SEJAHTERA (K-BOARDS).**

Sekian,

Wabillahi Taufik Wal Hidayah,

Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh dan
terima kasih.

